

17 JUL 2003

MIGHT-DIALOG/I

MIGHT: DIALOG TEKNOLOGI M'SIA-THAI AKAN GALAKKAN KERJASAMA DUA HALA

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Dialog Perkongsian Teknologi dan Perniagaan Malaysia-Thailand yang akan berlangsung di Langkawi pada 27 dan 28 Julai ini akan bertindak sebagai platform untuk menggalakkan kerjasama teknologi perniagaan antara sektor swasta kedua-dua negara.

Bidang-bidang yang akan digalakkan meliputi agro-bioteknologi dan pertanian, ICT, automotif serta elektrik dan elektronik, serta eko-pelancongan dan pembangunan mapan, kata Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MiGHT) dalam satu kenyataan hari ini.

Dialog berkenaan bertujuan menggalakkan kerjasama lebih erat dan pembangunan teknologi antara Malaysia dan Thailand, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Dr Thaksin Shinawatra, akan menghadiri dialog tersebut dan menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan yang dijangka menarik 300 pegawai pembangunan ekonomi utama dan pembuat keputusan, ketua-ketua industri, pakar akademik dan usahawan kedua-dua negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyampaikan ucapan penutup dialog, kata MiGHT.

Ia berkata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Sains dan Teknologi Thailand, Phinij Jarusombat, akan menjadi antara penceramahnya.

Presiden/ketua eksekutif MIGHT, Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie, berkata Malaysia dan Thailand mengiktiraf potensi dan faedah yang boleh dicapai daripada kerjasama dua hala, perkongsian teknologi dan perangkaian.

Beliau berkata dialog seperti itu adalah sangat penting dan bertindak sebagai alatan penting bagi kedua-dua negara untuk secara kolektif menerokai paradigma baru ke arah persaingan didorong oleh teknologi pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Malaysia merupakan rakan perdagangan Thailand yang kelima terbesar manakala Thailand berada di tempat ketujuh rakan perdagangan Malaysia.

Perdagangan dua hala Malaysia dengan Thailand berjumlah AS\$7.13 bilion pada 2002.

Mereka yang berminat untuk menyertainya dipelawa menghubungi MIGHT di talian 03-8888 1888, atau e-mel:corpcomm@might.org.my, dan laman web: www.might.org.my. -- BERNAMA

MSL SHY NHD